

**UCAPAN  
Y.BHG. DATO' MADINAH BINTI MOHAMAD  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN  
INOVASI**

**SEMPENA**

**PERJUMPAAN KETUA SETIAUSAHA MOSTI BERSAMA PEGAWAI-  
PEGAWAI MUDA GRED 41 DAN 44 DI MOSTI/JABATAN/AGENSI  
PADA**

**1 JULAI 2011**

**DI**

**PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE**

---

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

1. ALHAMDULILLAH, MARILAH BERSAMA-SAMA KITA MERAFAKKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KEHADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIA-NYA, KITA DAPAT BERTEMU DALAM PERJUMPAAN KETUA SETIAUSAHA MOSTI BERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI MUDA

GRED 41 DAN 44 DI MOSTI/JABATAN/AGENSI.INI ADALAH MERUPAKAN PERTAMA KALI PERJUMPAAN SEPERTIINI DIADAKAN DI MOSTI.

2. PERTAMANYA, INGIN DIUTARAKAN PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, MOSTI KERANA MENGATUR RUANG DAN KESEMPATAN YANG SUNGGUH BERMAKNAINI UNTUK SAYA BERINTERAKSI DENGAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SECARA LANGSUNG SETERUSNYA MENYAMPAIKAN PANDANGAN JUGA PESANAN, SEBAGAI PEDOMAN DALAM MENGGALAS TANGGUNGJAWAB KEPADA RAKYAT DAN NEGARA.
3. SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI MUDA MOSTI YANG BERADA DI HADAPAN SAYAINI YANG KOMITED TERHADAP KERJA SERTA PRESTASI CEMERLANG YANG TELAH DITUNJUKKAN SEPANJANG SAYA BERKHIDMAT DI MOSTI.INI DAPAT DILIHAT DARI KOMITMEN ANDA SEMUA DALAM MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB YANG DIBERIKAN TANPA MENGIRA MASA DAN WAKTU. SUMBANGAN DAN KERJASAMA ANDA SEMUA ADALAH AMAT PENTING KERANA ANDA MERUPAKAN BARISAN PEGAWAI MUDA YANG MEMBANTU MENYOKONG PELAKSANAAN DASARDAN PROGRAM KEMENTERIAN SERTA NEGARA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

4. TUJUAN PERJUMPAANINI DIADAKAN ADALAH SELARAS DENGAN SARANAN Y.BHG. TAN SRI MOHD SIDEK BIN HASSAN, KETUA SETIAUSAHA NEGARA SUPAYA PENGURUSAN TERTINGGI DI KEMENTERIAN MENGADAKAN SATU PERJUMPAAN KHUSUS DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI MUDA DI KEMENTERIAN.INI ADALAH UNTUK MENDAPATKAN INPUT/PANDANGAN DARIPADA PEGAWAI-PEGAWAI MUDA BERKAITAN ISU-ISU TADBIR URUS DAN INISIATIF YANG PERLU DILAKSANAKAN BAGI MEMPERTINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM. UNTUK MAKLUMAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, Y.BHG. TAN SRI KSN TELAH MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI MUDA DI JPM PADA 2 JUN 2011 DI MANA PERBINCANGAN SECARA TERBUKA TELAH DIADAKAN DAN BEBERAPA ISU TELAH DIBINCANGKAN SEPERTI ISU STAR RATING, KAEDAH PEMBAYARAN GAJI, PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DAN PEKELILING/PERATURAN SEDIA ADA TIDAK DIKEMAS KINI SERTA KETINGGALAN ZAMAN. DALAM HAL INI, Y.BHG. TAN SRI KSN BERPANDANGAN BAHAWA SETIAP PEGAWAI KERAJAAN PERLU MENGAMALKAN KONSEP FLEKSIBILITI DALAM MELAKSANAKAN TUGASAN HARIAN, SUPAYA TIDAK MENYUSAHKAN PELANGGAN DAN DALAM MASA SAMA TIDAK MENGABAIKAN PRINSIP DAN INTEGRITI SERTA PERATURAN PEKELILING/KEWANGAN YANG BERKUATKUASA.

## TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

5. SELARAS DENGAN GAGASAN 1MALAYSIA RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN, SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN TERUTAMA PEGAWAI-PEGAWAI MUDA DISARAN SUPAYA MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB TANPA MENGIRA KAUM DAN PEKA KEPADA PERSEKITARAN KEPELBAGAIAN KAUM SERTA BUDAYA DI MALAYSIA. WALAU BAGAIMANAPUN, TERDAPAT DESAS-DESUS YANG MENYATAKAN BAHAWA TERDAPAT肯YATAAN/TINDAKAN BERBAUR PERKAUMAN DAN MENYENTUH SENSITIVITI AGAMA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM. SEBAGAI SEORANG PENJAWAT AWAM, PERKARA INI TIDAK HARUS ADA DI DALAM DIRI SESEORANG PENJAWAT AWAM. KITA SEHARUSNYA BEKERJASAMA DALAM MEMBANTU KERAJAAN MEMBANGUNKAN NEGARA. SEHINGGA KINI, SAYA BERBANGGA DENGAN WARGA MOSTI KERANA WALAUPUN KAKITANGAN DI MOSTI TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM, KESEMUA WARGA MOSTI TELAH BERJAYA UNTUK BEKERJASAMA DALAM MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI PENJAWAT AWAM. SAYA INGIN MENYERU KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI MUDA DI HADAPAN SAYA MEMPAMERKAN SIKAP PROFESIONAL, TIDAK MENYEBELAHI MANA-MANA PIHAK (*NEUTRAL*) DAN BERKECUALI (*IMPARTIAL*) SERTA TIDAK MUDAH TERPENGARUH DENGAN ANASIR-ANASIR LUAR DAN DALAM YANG BOLEH MENGGANGU GUGAT KEHARMONIAN MOSTI DAN AMNYA NEGARA

6. PERKARA 152, PERLEMBAGAAN MALAYSIA MEMPERUNTUKKAN BAHASA KEBANGSAAN DI MALAYSIA IALAH BAHASA MELAYU. KEDUDUKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN BAGAIMANAPUN TIDAK MENAFIKAN KEDUDUKAN DAN HAK BAHASA LAIN UNTUK DIGUNAKAN, DIPELAJARI DAN DIKEMBANGKAN. MEMANDANGKAN *CORE-BUSINESS* MOSTI YANG KEBANYAKKANYA MELIBATKAN ORANG LUAR NEGARA, ADALAH PENTING SUPAYA SETIAP PEGAWAI DI MOSTI MAHIR DALAM MENGGUNAKAN BAHASA INGGERIS SELARAS DENGAN PERANAN SEBAGAI BAHASA KOMUNIKASI DI PERINGKAT ANTARABANGSA. DALAM DUNIA TANPA SEMPADANINI, BUKAN SAHAJA BAHASA INGGERIS PENTING, BAHASA-BAHASA LAIN SEPERTI MANDARIN, PERANCIS, JERMAN JUGA MERUPAKAN BONUS SEKIRANYA KITA BERJAYA MENGUASAINYA.
7. PILIHANRAYA UMUM KE-13 DIJANGKA AKAN DIADAKAN PADA TAHUN 2012. SEBAGAI SEORANG WARGANEGARA MALAYSIA YANG MEMPUNYAI HAK UNTUK MENGUNDI, ADALAH MERUPAKAN SATU TANGGUNGJAWAB TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SUPAYA MENDAFTAR SEBAGAI PEMILIH DAN MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA. OLEH ITU, SAYA MENYERU KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SUPAYA SEGERA MENDAFTAR SEBAGAI PEMILIH (BAGI YANG BELUM MENDAFTAR) SEBELUM PILIHANRAYA KE-13 DIADAKAN KELAK.

8. MOSTI TELAH MELANCARKAN KEMPEN SENYUM PADA 25 MEI 2011.INI BAGI MENIMBULKAN SUASANA KONDUSIF SEMASA BEKERJA DI PEJABAT. ADALAH PENTING SUPAYA MOSTI MEMANTAPKAN BUDAYA MESRA PELANGGAN BERTERASKAN KEPADA NILAI-NILAI MURNI DAN BUDI BAHASA SERTA AMALAN MEMBERI SENYUMAN KETIKA MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT DAN PELANGGAN. INI JUGA ADALAH TERMASUK BUDAYA BERAMAH MESRA DAN HORMAT MENGHORMATI TANPA MENGIRA PANGKAT DAN JAWATAN.
  
9. SEBAGAI SEBUAH AGENSI KERAJAAN, DOKUMEN-DOKUMEN TERPERINGKAT/RAHSIA PERLU DIURUSKAN DENGAN BAIK. DALAM HAL INI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PERLU SENTIASA JUJUR DAN MENGIKUT PROSEDUR KERAHSIAAN KERAJAAN SEMASA Mengendalikan DOKUMEN-DOKUMEN TERPERINGKAT/RAHSIA SUPAYA TIADA SEBARANG KEBOCORAN MAKLUMAT BERLAKU. SUKA SAYA MENCADANGKAN SUPAYA SETIAP PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI MOSTI DIWAJIBKAN MENJALANI TAPISAN HALUS YANG DIBUAT OLEH PIHAK POLIS DIRAJA MALAYSIA. INI ADALAH BAGI MEMASTIKAN SUPAYA SETIAP PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI MOSTI SENTIASA MENJAGA RAHSIA NEGARA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

10. RASUAH SERING DIKAITKAN DENGAN PENJAWAT AWAM DI NEGARA INI. BAGI MEMBENDUNG PERKARAINI DARIPADA MEREBAK, KERAJAAN TELAH MEMBERI PENGIFTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM YANG MELAPORKAN PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH. Y.BHG. TAN SRI KSN TELAH MELALUI SURAT BERTARIKH 11 MEI 2011 MEMAKLUMKAN BAHAWA PENGIFTIRAFAN AKAN DIBERIKAN KEPADA PENJAWAT AWAM YANG MELAPORKAN PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH. INISIATIFINI DIPERKENALKAN SELARAS DENGAN USAHA DAN KOMITMEN KERAJAAN UNTUK MEMERANGI JENAYAH RASUAH SEBAGAIMANA DITETAPKAN DALAM BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA). SEBAGAI CONTOH, SEORANG PEGAWAI KANAN DARI AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA TELAH MEMBUAT LAPORAN BERHUBUNG KES RASUAH KEPADA PIHAK BERKUASA.INI ADALAH SALAH SATU CONTOH YANG PERLU DICONTOHI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI MUDA KITA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

11. KITA SENTIASA MENDENGAR SUARA-SUARA DI KALANGAN SESETENGAH PIHAK BAHAWA PERKHIDMATAN AWAM BERSAIZ AGAK BESAR, KURANG RESPONSIF, BERCENDERUNG KEPADA KETIRISAN SERTA BEBERAPA HAL YANG LAIN. BAGI MENGUBAH TANGGAPANINI, KITA PERLU

MEWUJUDKAN JENTERA PERKHIDMATAN AWAM YANG CEKAP, EFISIEN , BERPRODUKTIVITI TINGGI, LEBIH KREATIF DAN INOVATIF DENGAN MENGGUNAKAN PENCAPAIAN DI MANA SETIAP PELABURAN DALAM MODAL INSAN DIGUNA SEPENUHNYA TANPA PEMBAZIRAN. Y.A.B. PERDANA MENTERI MALAYSIA SEMASA MAJLIS PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KEDUA BELAS YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 MAC 2011 TELAH MENYENTUH MENGENAI ISU *LEAN CIVIL SERVICE* ATAU PERKHIDMATAN AWAM YANG KEJAT. *LEAN CIVIL SERVICE* ADALAH DITAFSIRKAN SEBAGAI SEBUAH PERKHIDMATAN AWAM YANG MEMPUNYAI SAIZ PENJAWAT AWAM MANTAP, DIGEMBLENG SEPENUHNYA UNTUK BEROPERASI KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT PERKHIDMATAN. Y.A.B. PERDANA MENTERI JUGA MENYERU SUPAYA PERKHIDMATAN AWAM PERLU MERUNTUHKAN MENTALITI SILO YANG MENYAKSIKAN PERBUATAN BERLUMBA-LUMBA MEMPERTAHANKAN MEDAN KEPENTINGAN MASING-MASING SEHINGGA MENDATANGKAN KESAN YANG NEGATIF KEPADA KEPENTINGAN RAKYAT DAN NEGARA.

12. MUNGKIN ADA DI ANTARA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN MASIH BELUM MENGETAHUI MENGENAI LANGKAH PEMBEKUAN PENGAMBILAN / PENGISIAN JAWATAN DAN PEMANSUHAN JAWATAN KOSONG DI SEMUA KEMENTERIAN DAN JABATAN PERSEKUTUAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN BADAN BERKANUN NEGERI. MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET MENGENAI

PERJAWATAN DAN GAJI SEKTOR AWAM (JKK-MPGSA) YANG DIPENGERUSIKAN OLEH Y.A.B. PERDANA MENTERI PADA 6 MEI 2011 TELAH BERSETUJU SUPAYA SEMUA JAWATAN KOSONG DIMANSUHKAN BERKUAT KUASA MULAI 1 JUN 2011. WALAU BAGAIMANAPUN, JAWATAN-JAWATAN PADA GRED KENAIKAN PANGKAT DAN JAWATAN YANG SEDANG DALAM PROSES LANTIKAN OLEH PIHAK BERKUASA MELANTIK ADALAH DIKECUALIKAN. KEPUTUSANINI ADALAH SELARAS DENGAN LANGKAH KERAJAAN UNTUK MERASIONALISASI DAN MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG KEJAT (*LEAN CIVIL SERVICE*).

13. SELARAS DENGAN ARAHAN KETUA SETIAUSAHA BIL. 1 TAHUN 2009 DI MANA, Y.BHG. TAN SRI KSN TELAH MENGELOUARKAN ARAHAN SUPAYA MELAKSANAKAN LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN SELARAS DENGAN PENGURUSAN KEWANGAN SECARA BERHEMAH SUSULAN DARIPADA SURAT BERTARIKH 15 JULAI 2009 KEMENTERIAN KEWANGAN MENGENAI PENGURUSAN KEWANGAN SECARA BERHEMAH. PENGURUSAN KEWANGAN SECARA BERHEMAHINI TIDAK TERHAD KEPADA PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN SAHAJA. IA TURUT MELIBATKAN PENJIMATAN TERHADAP PENGGUNAAN ALAT TULIS, AIR DAN BARANGAN ELEKTRIK DI PEJABAT. OLEH YANG DEMIKIAN, SEKIRANYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN TERLIHAT KOMPUTER-KOMPUTER YANG TIDAK DITUTUP, SAYA BERHARAP TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DAPAT

MENUTUP KOMPUTER ITU BAGI MEMASTIKAN PENJIMATAN DAPAT DILAKSANAKAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

14. SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPANINI, MARILAH KITA SAMA-SAMA BERUSAHA UNTUK MENJADIKAN MOSTI KEMENTERIAN YANG TERBAIK DI MALAYSIA. TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN ADA MERUPAKAN *FUTURE GENERATION* YANG AKAN MENERAJU NEGARA PADA MASA AKAN DATANG. ADALAH MERUPAKAN SATU TANGGUNGJAWAB YANG SANGAT BESAR PERLU DIPIKUL OLEH KITA SEMUA DALAM MEMASTIKAN NEGARA MENCAPAI WAWASAN 2020. SAYA BERHARAP, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN AKAN BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH DALAM KERJAYA SEBAGAI SEORANG PENJAWAT AWAM.
15. DI KESEMPATANINI, INGIN SAYA MENASIHATKAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SUPAYA TIDAK TERLIBAT DENGAN SEBARANG AKTIVI YANG BOLEH MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA DAN MENCEMARKAN NAMA BAIK PERKHIDMATAN AWAM. SEBAGAIMANA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEDIA MAKLUM, ISU UTAMA YANG SEDANG DIHADAPI OLEH NEGARA PADA MASAINI ADALAH BERHUBUNG ISU ‘PERHIMPUNAN BERSIH’. SAYA INGIN MENYERU DAN MEMOHON AGAR TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN TIDAK MENYERTAI PERHIMPUNANINI YANG DIJANGKA DIADAKAN DI KUALA LUMPUR PADA 9 JULAI

2011. KITA SEBAGAI KAKITANGAN KERAJAAN, PERLU SENTIASA MENDOKONG USAHA-USAHA YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN DALAM MENJAMIN KESELAMATAN DAN MEMAJUKAN NEGARA. SAYA KHUATIR, SEKIRANYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DIDAPATI TERLIBAT DI DALAM PERHIMPUNAN HARAMINI, IANYA AKAN MENJEJASKAN MASA DEPAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA KREDIBILITI MOSTI SEBAGAI SEBUAH KEMENTERIAN YANG *HIGH-PROFILE*.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

16. SEBELUM SAYA MEMULAKAN SESI PERBINCANGAN KITA, SAYA INGIN MEMOHON MAAF SEKIRANYA TERDAPAT KEKURANGAN DI DALAM PENGANJURAN MAJLISINI. SAYA BERHARAP AGAR SESI PERBINCANGAN KITA PADA PETANGINI AKAN DILAKSANAKAN DENGANCARA YANG INTERAKTIF. TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN BOLEH BERTANYA MENGENAI APA SAHAJA PERKARA-PERKARA YANG BERKAITANDENGAN MOSTI ATAU APA-APA PERKARA YANG BERKAITANDENGAN PERKHIDMATAN AWAM. INSYA-ALLAH, SAYA AKAN CUBA UNTUK MEMBERIKAN JAWAPAN TERBAIK KE ATAS SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN.
17. DENGANINI SAYA MENYERAHKAN MAJLIS KEPADA Pengerusi MAJLIS UNTUK SESI SETERUSNYA. SEKIAN, TERIMA KASIH.